

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menjaga kebajikan dan bekalan hidup golongan pekerja dalam industri pertanian dan langkah Kementerian untuk memastikan kemampanan industri ini dalam jangka masa panjang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memastikan kemampanan industri ini dalam jangka masa panjang, antara usaha menjaga kebajikan dan bekalan hidup golongan pekerja dalam industri pertanian adalah:

Petani/Pesawah

2. Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan LPP telah melaksanakan inisiatif berikut bagi menjaga kebajikan dan bekalan hidup petani:

i. **Insentif-insentif pertanian;**

Pemberian insentif meliputi input pertanian seperti benih, baja dan racun; pembangunan kawasan, pembinaan pusat pengumpulan dan pemprosesan serta stor; dan insentif hasil di bawah projek dan

SOALAN NO : 22

program. Kadar insentif kerajaan yang diperuntukkan sebanyak RM10,000/ha sehingga maksimum RM50,000/ha.

ii. **Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi; dan**

Tabung ini bertujuan membantu petani dan pengusaha padi yang mengerjakan sawah di dalam dan di luar jelapang padi yang terlibat dengan kejadian bencana alam, penyakit dan lain-lain kejadian bencana yang akan diperaku dan diisytiharkan Jabatan Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal (TBTP).

iii. **Skim-skim di bawah Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP) dan Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani (TPUK).**

Tabung ini menawarkan pembiayaan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan dan ahli-ahli Kor Tani daripada RM5,000 – RM100,000.

Penternak

3. Bagi sektor ternakan, Kementerian menyediakan bantuan insentif geran pepadanan pembiayaan bagi ternakan ruminan (Program Rintis PROPER) melalui bantuan induk pembiak ternakan ruminan (lembu, kambing, bebiri) dan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara merangkumi aktiviti pembiakbakaan, tanaman makanan ternakan, transformasi usahawan tenusu dan peningkatan kualiti susu.

Nelayan

4. Bagi golongan nelayan antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah:

i. **Pemberian insentif Elaun Sara Hidup (ESH)** berjumlah RM250/bulan dan **Subsidi minyak diesel dan petrol** pada kadar RM1.65/liter;

ii. **Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan;**

SOALAN NO : 22

Skim ini bertujuan sebagai persediaan kewangan luar jangka golongan nelayan sekiranya berlaku kejadian kemalangan atau yang tidak diingini dan telah diperkenalkan sejak bulan Mei 2012. Manfaat perlindungan yang diperolehi oleh nelayan adalah sehingga RM150,000.00.

iii. **Tabung Bantuan Bencana Alam Nelayan; dan**

Tabung ini memberi **bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan** kepada nelayan yang tidak diinsuranskan sekiranya berlaku kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

iv. **Skim-skim di bawah Pinjaman Dana Nelayan;**

Skim ini menyediakan pinjaman mudah bagi pembelian bot dan peralatan baharu bagi meningkatkan keupayaan bot sedia ada, pinjaman modal operasi, pinjaman kecemasan untuk nelayan dan modal pusingan pemasaran untuk Persatuan Nelayan seperti:

- a) Skim Pinjaman Nelayan Komersil (SNEK)
- b) Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP)
- c) Skim Pinjaman Enjin Dalam (SPED)

5. Kementerian juga **dalam usaha** untuk membangunkan Skim Perlindungan Takaful Agromakanan yang bertujuan untuk membolehkan aktiviti pertanian diteruskan apabila dilanda bencana bagi memastikan impak yang minimum terhadap bekalan makanan dan secara tidak langsung, sebagai bantuan bagi meringankan kesukaran yang dihadapi. Skim ini masih dalam penelitian MAFI bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak industri bagi memastikan model yang sesuai boleh dibangunkan.

6. Untuk memastikan kemampanan industri ini dalam jangka masa panjang, Kementerian telah melaksanakan inisiatif berikut:

- i. memodenkan sektor agromakanan melalui penggunaan teknologi. Kementerian melalui Dasar Agromakanan Negara telah

SOALAN NO : 22

memulakan langkah dengan memperkenalkan teknologi-teknologi yang bersesuaian mengikut peredaran masa;

- ii. pembangunan infrastruktur pertanian seperti penyediaan prasarana, kemudahan logistik dan pengangkutan bagi membantu aktiviti pengumpulan hasil dan pemasaran seperti pasar tani dan nelayan, pusat pengumpulan dan pengedaran (CDC);
- iii. meremajakan sektor pertanian seperti mempergiatkan Program Agropreneur Muda bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian;
- iv. merancakkan industri hiliran melalui Industri Asas Tani bagi merangsang pengeluaran; dan
- v. melaksanakan program yang dapat meningkatkan pendapatan sampingan kepada golongan sasar di bawah Kementerian seperti Program Rezeki Tani dan Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40.

7. Di samping itu, Kerajaan juga menyokong peranan pihak swasta dalam memajukan sektor agromakanan bagi menjamin sekuriti agromakanan negara melalui pemberian insentif cukai pendapatan kepada pelabur dalam sektor agromakanan dan program pengembangan bagi tujuan penyaluran maklumat teknikal.

Sekian, terima kasih.